

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : **3 NOVEMBER 2021 [RABU]**

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan Kementerian untuk membina pintu air pasang surut (*Sea Tide Gates*) di muara Sungai Putatan dan Petagas untuk mengawal aliran air pasang surut terutamanya apabila hujan lebat berlaku kerana kejadian banjir juga sering berlaku apabila berlakunya air pasang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sedang mengkaji keperluan untuk membina pintu air pasang surut di muara Sungai Putatan dan Sungai Petagas melalui Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Sabah.
2. Pada ketika ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam peringkat pelaksanaan Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu (ISMP) Negeri Sabah dari Tuaran ke Kudat mulai penghujung tahun 2021.
3. Objektif kajian ini adalah:
 - i. Mengurangkan risiko kepada orang awam dan harta benda daripada hakisan pantai dan/atau banjir;
 - ii. Membantu di dalam aspek pemuliharaan dan pemeliharaan flora dan fauna di kawasan pantai;
 - iii. Membantu pemuliharaan persekitaran pantai dan kawasan sejarah, arkeologi dan sebagainya;
 - iv. Membantu dalam perancangan guna tanah di sepanjang kawasan pantai; dan
 - v. Membantu Kerajaan Negeri dan pelbagai Agensi/Jabatan Kerajaan Negeri di dalam membuat keputusan yang tepat berhubung dengan pembangunan di kawasan pantai.

Sekian, terima kasih.